Rajah 4.25 menunjukkan majoriti responden di kawasan Balik Pulau tidak berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat iaitu seramai 84 orang dan jumlah yang berpuas hati adalah seramai 79 orang serta 5 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 209 orang yang berpuas hati dan 18 tidak berpuas hati. Bagi kawasan Tanjong 200 orang berpuas hati, 80 tidak berpuas hati dan 7 orang yang tidak pasti.



Rajah 4.25: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat (mengikut kawasan)

4.5.2 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan


Rajah 4.26 menunjukkan majoriti kawasan Tanjung tidak berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat iaitu seramai 155 orang dan jumlah yang berpuas hati adalah seramai 51 orang serta 85 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, hanya terdapat responden yang berpuas hati iaitu seramai 82 orang. Manakala bagi kawasan Balik Pulau pula seramai 152 orang berpuas hati, 124 orang tidak berpuas hati dan 5 orang tidak pasti.



Rajah 4.26: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan (mengikut kawasan)

4.5.3 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh GERAKAN dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan


Rajah 4.27 menunjukkan majoriti responden di kawasan Nibong Tebal tidak berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh GERAKAN dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat iaitu seramai 17 orang dan 1 orang yang berpuas hati. Bagi kawasan Tanjong, 160 orang berpuas hati, 41 tidak berpuas hati dan 86 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Balik Pulau pula seramai 129 orang berpuas hati, 35 orang tidak berpuas hati dan 8 orang tidak pasti.



Rajah 4.27: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan (mengikut kawasan)

4.5.4 Tahap relevan parti MCA kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.28 menunjukkan majoriti responden di kawasan Nibong Tebal dan Tanjung menganggap MCA masih lagi relevan. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 209 masih menganggap bahawa MCA masih lagi relevan dan 19 orang menyatakan tidak relevan. Bagi kawasan Tanjong, seramai 201 orang masih menganggap MCA masih relevan, 77 orang menyatakan tidak relevan dan 9 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 83 orang masih menganggap MCA tidak lagi relevan, namun terdapat 79 orang menyatakan masih lagi relevan dan 5 orang tidak pasti.



Rajah 4.28: Tahap relevan parti MCA kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.5 Tahap relevan parti DAP kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.29 menunjukkan majoriti responden di kawasan Nibong Tebal dan Balik Pulau menganggap DAP masih lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Nibong Tebal hasil kajian mendapati seramai 82 masih menganggap bahawa DAP masih lagi relevan. Bagi kawasan Balik Pulau pula, seramai 152 orang masih menganggap DAP masih relevan, 123 menyatakan tidak relevan dan 7 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Tanjung, seramai 153 orang menganggap DAP tidak lagi relevan. Namun terdapat seramai 51 orang menyatakan masih lagi relevan dan 88 orang tidak pasti.



Rajah 4.29: Tahap relevan parti DAP kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.6 Tahap relevan parti GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.30 menunjukkan majoriti responden di kawasan Tanjung dan Balik Pulau menganggap parti GERAKAN masih relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 158 orang menganggap GERAKAN masih relevan, 42 orang menyatakan tidak relevan dan 88 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 129 orang menganggap GERAKAN masih relevan, 37 menyatakan tidak relevan dan 5 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Nibong Tebal, hanya terdapat 1 orang sahaja menganggap bahawa GERAKAN masih lagi relevan dan 18 orang menyatakan tidak relevan.



Rajah 4.30: Tahap relevan parti GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.7 Tahap relevan parti PERKASA kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.31 menunjukkan majoriti responden kawasan Tanjung menganggap PERKASA tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 11 orang menganggap PERKASA masih relevan, 264 orang menyatakan tidak relevan dan 13 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 35 orang menganggap bahawa PERKASA masih lagi relevan, 22 orang menyatakan tidak lagi relevan. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 17 orang masih menganggap PERKASA masih relevan, 116 menyatakan tidak relevan dan 147 orang tidak pasti.



Rajah 4.31: Tahap relevan parti PERKASA kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.8 Tahap relevan parti DHONG ZHONG kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.32 menunjukkan majoriti responden kawasan Tanjung menganggap DHONG ZHONG tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 11 orang masih menganggap DHONG ZHONG masih relevan, 263 orang menyatakan tidak relevan dan 14 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 53 orang menganggap bahawa DHONG ZHONG masih lagi relevan dan 21 orang menyatakan tidak relevan dan 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 2 orang masih menganggap DHONG ZHONG masih relevan, 125 menyatakan tidak relevan dan 153 orang tidak pasti.



Rajah 4.32: Tahap relevan parti DHONG ZHONG kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.9 Tahap relevan parti HINDRAF kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.33 menunjukkan majoriti responden kawasan Tanjong menganggap HINDRAF tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjong, hasil kajian mendapati seramai 11 orang masih menganggap HINDRAF masih relevan, 263 orang menyatakan tidak relevan dan 14 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 18 orang menganggap bahawa HINDRAF tidak lagi relevan dan 4 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau, seramai 183 orang menganggap HINDRAF tidak lagi relevan, 97 orang tidak pasti.



Rajah 4.33: Tahap relevan parti HINDRAF kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.10 Tahap relevan parti BERSIH kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 4.34 menunjukkan majoriti responden kawasan Tanjung menganggap BERSIH tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 46 orang menganggap HINDRAF masih relevan, 243 orang menyatakan tidak relevan dan 10 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 18 orang menganggap bahawa HINDRAF tidak lagi relevan dan 4 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 11 orang menganggap HINDRAF masih lagi relevan, 172 orang menyatakan tidak relevan dan 103 orang tidak pasti.



Rajah 4.34: Tahap relevan parti BERSIH kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.5.11 Tahap relevan parti HIMPUN kepada rakyat Pulau Pinang

Rajah 4.35 menunjukkan majoriti responden kawasan Tanjong menganggap HIMPUN tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjong, hasil kajian mendapati seramai 11 orang menganggap HIMPUN masih relevan, 263 orang menyatakan tidak relevan dan 14 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 18 orang menganggap bahawa HIMPUN tidak lagi relevan dan 4 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 18 orang menganggap HIMPUN masih lagi relevan, 109 orang menyatakan tidak relevan dan 153 orang tidak pasti.




Rajah 4.35: Tahap relevan parti HIMPUN kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.6 ANALISIS PRESTASI WAKIL RAKYAT

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi pengundi Cina di ketiga-tiga kawasan kajian terhadap prestasi wakil rakyat di kawasan masing-masing.

4.6.1 Pengetahuan tentang ahli parlimen kawasan


Rajah 4.36 menunjukkan sejauh mana responden mengenali ahli parlimen kawasan di ketiga-tiga kawasan kajian. Hasil kajian mendapat majoriti responden di ketiga-tiga kawasan kajian mengenali ahli parlimen kawasan masing-masing. Kawasan Nibong Tebal mencatatkan seramai 264 orang mengenali, 1 orang tidak mengenali dan 28 orang yang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjung pula, seramai 297 orang mengenali, 2 orang tidak mengenali dan 1 orang yang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, 289 orang mengenali, 2 orang tidak mengenali dan 1 orang yang tidak pasti.



Rajah 4.36: Pengetahuan tentang ahli parlimen kawasan (mengikut kawasan)

4.6.2 Pengetahuan tentang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 4.37, menunjukkan sejauh mana responden mengenali Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di ketiga-tiga kawasan kajian. Hasil kajian mendapati majoriti responden di ketiga-tiga kawasan kajian mengenali Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan masing-masing. Kawasan Nibong tebal mencatatkan seramai 264 orang mengenali, dan 29 orang yang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong pula, seramai 297 orang mengenali, 2 orang tidak mengenali dan 1 orang yang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, 227 orang mengenali, 62 orang tidak mengenali dan 2 orang yang tidak pasti.



Rajah 4.37: Pengetahuan tentang ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut kawasan)

4.6.3 Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 4.38 menunjukkan penglibatan responden dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan di ketiga-tiga kawasan kajian. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati majoriti responden di kawasan ini tidak pernah berurusan dengan ahli parlimen kawasan iaitu seramai 199 orang dan seramai 61 orang pernah berurusan serta 15 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong, seramai 297 orang pernah berurusan, 2 orang tidak pernah berurus dan 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 223 orang pernah berurusan, 66 orang tidak pernah berurusan dan 2 orang tidak pasti.



Rajah 4.38:Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan (mengikut kawasan)

4.6.4 Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 4.39 menunjukkan penglibatan responden dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di ketiga-tiga kawasan kajian. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati majoriti responden di kawasan ini tidak pernah berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) iaitu seramai 197 orang dan seramai 58 orang pernah berurusan serta 15 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong, seramai 297 orang pernah berurusan, 2 orang tidak pernah berurusan dan 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 222 orang pernah berurusan, 67 orang tidak pernah berurusan dan 3 orang tidak pasti.



Rajah 4.39: Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)(mengikut kawasan)

4.6.5 Kepuasan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 4.40, menunjukkan majoriti responden di kawasan Tanjung dan Balik Pulau berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli Parlimen kawasan. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 296 orang berpuas hati, 2 orang tidak berpuas hati dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Balik Pulau pula, seramai 222 orang berpuas hati, 66 orang tidak berpuas hati, dan 4 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 71 orang berpuas hati, 79 orang tidak berpuas hati dan 91 orang tidak pasti.



Rajah 4.40: Kepuasan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan (mengikut kawasan)

4.6.6 Kepuasan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 4.41, menunjukkan majoriti responden di kawasan Tanjong dan Balik Pulau berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Bagi kawasan Tanjong, hasil kajian mendapati seramai 204 orang berpuas hati, 95 orang tidak berpuas hati dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Balik Pulau pula, seramai 221 orang berpuas hati, 68 orang tidak berpuas hati, dan 3 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 73 orang berpuas hati, 77 orang tidak berpuas hati dan 105 orang tidak pasti.



Rajah 4.41: Kepuasan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)(mengikut kawasan)

4.6.7 Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 4.42 menunjukkan majoriti responden di kawasan Tanjung dan Balik Pulau menyatakan wajar mengekalkan ahli parlimen kawasan masing-masing. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 204 orang menyatakan wajar, 95 menyatakan tidak wajar, dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Balik Pulau pula, seramai 281 orang menyatakan wajar, 7 orang menyatakan tidak wajar dan 4 orang menyatakan tidak pasti. Manakala bagi kawasan Nibong Tebal seramai 88 orang menyatakan wajar, 69 orang menyatakan tidak wajar dan 98 orang tidak pasti.



Rajah 4.42: Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan (mengikut kawasan)

4.6.8 Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 4.43 menunjukkan majoriti responden di kawasan Tanjung dan Balik Pulau menyatakan wajar mengekalkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 204 orang menyatakan wajar, 95 menyatakan tidak wajar, dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Balik Pulau pula, seramai 282 orang menyatakan wajar, 7 orang menyatakan tidak wajar dan 3 orang menyatakan tidak pasti. Manakala bagi kawasan Nibong Tebal seramai 72 orang menyatakan wajar, 65 orang menyatakan tidak wajar dan 110 orang tidak pasti.



Rajah 4.43: Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut kawasan)

4.6.9 Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen


Rajah 4.44 menunjukkan majoriti responden di kawasan Tanjung dan Balik Pulau menyatakan wajar mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen masing-masing. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 203 orang menyatakan wajar, 96 menyatakan tidak wajar, dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Balik Pulau pula, seramai 284 orang menyatakan wajar, 5 orang menyatakan tidak wajar dan 3 orang menyatakan tidak wajar. Manakala bagi kawasan Nibong Tebal seramai 72 orang menyatakan wajar, 75 orang menyatakan tidak wajar dan 85 orang tidak pasti.



Rajah 4.44: Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen (mengikut kawasan)

4.6.10 Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)


Rajah 4.45 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan majoriti menyatakan wajar mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 137 orang menyatakan wajar, 65 orang menyatakan tidak wajar dan 59 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong, seramai 203 orang menyatakan wajar, 96 menyatakan tidak wajar, dan 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 220 orang menyatakan wajar, 67 orang menyatakan tidak wajar dan 4 orang menyatakan tidak wajar.



Rajah 4.45: Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) (mengikut kawasan)

4.6.11 Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13

Rajah 4.46 menunjukkan pilihan responden bagi lantikan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati, majoriti seramai 119 orang memilih Koh Tsu Koon bagi lantikan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13. Bergitu juga di kawasan Tanjung, majority seramai 246 orang juga turut memilih Koh Tsu Koon. Manakala di Balik Pulau pula, majoriti seramai 150 orang telah memilih Lim Guan Eng bagi lantikan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13.



Rajah 4.46: Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13(mengikut kawasan)


4.6.12 Ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan

Rajah 4.47 menunjukkan ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan responden di ketiga-tiga kawasan kajian. Ciri-ciri ini dipilih berdasarkan pemilihan tertinggi responden terhadap ciri-ciri personaliti yang disenaraikan.

Hasil dapatan kajian mendapati responden di kawasan Nibong Tebal kebanyakannya memilih wakil rakyat yang mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (250 orang), rajin menemui rakyat (243 orang), mudah dihubungi (247 orang), merendah diri (223 orang), dan mempunyai latar belakang keluarga yang baik (134 orang).

Bagi kawasan Tanjung pula, kebanyakan responden memilih wakil rakyat yang mudah dihubungi (214 orang), rajin menemui rakyat (187 orang), tidak memungkiri janji (184 responden), mempunyai latar belakang keluarga yang baik (180 orang) dan mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (172 orang).

Manakala di kawasan Balik Pulau pula, kebanyakan responden memilih wakil rakyat yang rajin menemui rakyat (264 orang), mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (253 orang), bertindak secara professional (246 orang), imej diri yang bersih (148 orang), dan mudah dihubungi (129 orang).




Rajah 4.47: Ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan (mengikut kawasan)

4.7 ANALISIS ISU-ISU SEMASA

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi pengundi Cina di ketiga-tiga kawasan kajian terhadap isu-su semasa.

4.7.1 Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji-janji dalam pilihan raya yang lalu


Rajah 4.48 menunjukkan majoriti responden di ketiga-tiga kawasan kajian menyatakan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji mereka dalam pilihan raya yang lalu. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 233 bersetuju, dan 55 orang tidak bersetuju. Bagi kawasan Tanjong pula, 249 orang bersetuju, 48 tidak bersetuju, dan 1 orang tidak pasti. Manakala di Balik Pulau pula, seramai 238 bersetuju, 49 tidak bersetuju, dan 3 orang tidak pasti.



Rajah 4.48: Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji-janji dalam pilihan raya yang lalu (mengikut kawasan)

4.7.2 Kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini


Rajah 4.49 menunjukkan hanya kawasan Balik Pulau sahaja majoriti bersetuju bahawa kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN. Bagi kawasan Balik Pulau, hasil kajian mendapati seramai 212 bersetuju, 73 orang tidak bersetuju dan 5 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian menunjukkan seramai 75 orang bersetuju, 210 orang tidak bersetuju, dan 2 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Tanjung, seramai 76 orang bersetuju, 221 orang tidak bersetuju, dan 1 orang tidak pasti.



Rajah 4.49: kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini (mengikut kawasan)

4.7.3 Kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan


Rajah 4.50 menunjukkan hanya responden dikawasan Tanjung sahaja yang majoriti menyatakan tidak wajar mengekalkan kerajaan DAP Pulau Pinang. Bagi kawasan Tanjung, hasil kajian mendapati seramai 77 orang menyatakan wajar, 220 menyatakan tidak wajar, dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian menunjukkan seramai 222 orang menyatakan wajar, 56 orang menyatakan tidak wajar dan 9 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 206 orang menyatakan wajar, 80 orang menyatakan tidak wajar dan 4 orang menyatakan tidak wajar.



Rajah 4.50: Kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan (mengikut kawasan)

4.7.4 Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang


Rajah 4.51 menunjukkan hanya responden di kawasan Nibong Tebal yang majoriti tidakbersetuju bahawa Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapatkan seramai 77 orang bersetuju, 191 orang tidak bersetuju dan 14 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjung, seramai 196 orang bersetuju, 100 orang tidak bersetuju, 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula seramai 269 orang bersetuju, 15 orang tidak bersetuju dan 6 orang tidak pasti.



Rajah 4.51: Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang (mengikut kawasan)

4.7.5 Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara


Rajah 4.52 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan majoriti bersetuju bahawa Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 225 orang bersetuju, 55 orang tidak bersetuju dan 6 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong, seramai 167 orang bersetuju, 129 orang tidak bersetuju, 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula seramai 209 orang bersetuju, 74 orang tidak bersetuju dan 7 orang tidak pasti.



Rajah 4.52: Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah Negara (mengikut kawasan)

4.7.6 Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara

Rajah 4.53 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan majoriti bersetuju bahawa kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 207 orang bersetuju, 76 orang tidak bersetuju dan 3 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong, seramai 297 orang bersetuju, dan 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 219 orang bersetuju, 56 orang tidak bersetuju dan 15 orang tidak pasti




Rajah 4.53: Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan Negara (mengikut kawasan)

4.7.7 Tidak yakin hadap Dato' Seri Anwar Ibrahim

Rajah 4.54 menunjukkan hanya responden di kawasan Balik Pulau sahaja yang rata-rata yakin dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bagi kawasan Balik Pulau, hasil kajian mendapati seramai 26 orang yang tidak yakin, 196 orang yakin dan 68 orang tidak pasti. Bagi kawasan Nibong Tebal, seramai 206 orang yang tidak yakin, 76 orang


yakin dan 4 orang tidak pasti. Manakala bagi kawasan Tanjong, seramai 245 orang tidak yakin, 50 orang yakin, dan 2 orang tidak pasti..



Rajah 4.54: Keyakinan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim (mengikut kawasan)

4.7.8 Gagasan 1Malaysia


Rajah 4.55 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan kajian majoriti berpuas hati dengan gagasan 1Malaysia. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapatkan seramai 241 orang berpuas hati, dan 55 orang tidak berpuas hati. Bagi kawasan Tanjong, seramai 294 orang berpuas hati, 1 orang tidak berpuas hati, dan 1 orang tidak pasti. Manakala di Balik Pulau pula, seramai 285 orang berpuas hati, 2 orang tidak berpuas hati, dan 4 orang tidak pasti.



Rajah 4.55: Gagasan 1Malaysia (mengikut kawasan)

4.7.9 Isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat


Rajah 4.56 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan kajian majoritielah bersetuju bahawa isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapatkan seramai 231 orang bersetuju dan 55 orang tidak bersetuju dan 4 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjung, seramai 269 orang bersetuju, 26 orang tidak bersetuju dan 1 orang tidak pasti. Manakala di Balik Pulau pula, seramai 285 bersetuju, 1 orang tidak bersetuju dan 4 orang tidak pasti.



Rajah 4.56: Isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat (mengikut kawasan)

4.7.10 Penyokong gerakan BERSIH


Rajah 4.57 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan kajian majoriti tidak menyokong gerakan BERSIH. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapat seramai 51 orang menyokong, 242 orang tidak menyokong, dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjong, seramai 52 orang menyokong, 244 tidak menyokong, dan 1 orang tidak pasti. Manakala di kawasan Balik Pulau pula, seramai 47 orang menyokong, 214 orang tidak menyokong, dan 30 orang tidak pasti.



Rajah 4.57: Penyokong gerakan BERSIH (mengikut kawasan)

4.7.11 Amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik


Rajah 4.58 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan kajian majoriti bersetuju bahawa amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 249 orang bersetuju, 42 orang tidak bersetuju, dan 3 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjung, seramai 292 orang bersetuju, 2 orang tidak bersetuju, dan 1 orang tidak pasti. Manakala dikawasan Balik Pulau pula, seramai 275 orang bersetuju, 6 orang tidak bersetuju, dan 9 orang tidak pasti.



Rajah 4.58: Amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik (mengikut kawasan)

4.7.12 Kerajaan BN di peringkat Persekutuan perlu dikekalkan

Rajah 4.59 menunjukkan responden di ketiga-tiga kawasan kajian majoriti bersetuju Kerajaan BN di peringkat persekutuan perlu dikekalkan. Bagi kawasan Nibong Tebal, hasil kajian mendapati seramai 239 orang bersetuju, 55 orang tidak bersetuju, dan 1 orang tidak pasti. Bagi kawasan Tanjung, seramai 269 orang bersetuju, 25 orang tidak bersetuju, dan 2 orang tidak pasti. Manakala dikawasan Balik Pulau pula, seramai 283 orang bersetuju, 2 orang tidak bersetuju, dan 4 orang tidak pasti.



Rajah 4.59: Kerajaan BN di peringkat persekutuan perlu dikekalkan (mengikut kawasan)

BAB 5: ANALISIS MENGIKUT SUB-ETNIK

5.1 PENGENALAN

Analisis di bab ini akan menerangkan mengenai hasil kajian yang dilakukan mengikut kategori sub-etnik pengundi Cina di Pulau Pinang iaitu Teochew, Hokkien, Kantonis, Hakka, dan lain-lain sub-etnik. Analisis ini dilakukan bertujuan mendapatkan gambaran mengenai persepsi pengundi Cina terhadap pilihanraya umum ke-13 mengikut sub-etnik tersebut.


5.2 ANALISIS PROFIL RESPONDEN

Analisis di bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat profil responden meliputi bahagian demografi responden seperti umur, jantina, kawasan kediaman, tahap pendidikan, pekerjaan, dan pendapatan isi rumah.

5.2.1 Umur

Berdasarkan Rajah 5.1, menunjukkan taburan responden mengikut umur. Bagi sub etnik Teochew, kategori Gen-Y adalah seramai 39 orang, Gen-X 28 orang, Baby Boom 24 orang dan Pre Boom 3 orang. Bagi sub-etnik Hokkien, kategori Gen-Y adalah seramai 141 orang, Gen-X 114 orang, Baby Boom 49 orang dan Pre Boom 12 orang. Bagi sub etnik Kantonis, kategori Gen-Y adalah seramai 134 orang, Gen-X 82 orang, Baby Boom 65 orang dan Pre Boom 19 orang. Manakala bagi sub-etnik Hakka


pula, kategori Gen-Y adalah seramai 49 orang, Gen-X 56 orang, Baby Boom 47 orang dan Pre Boom 4 orang.



Rajah 5.1: Taburan responden mengikut umur (mengikut sub-etnik)

5.2.2 Jantina


Berdasarkan Rajah 5.2, menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Bagi sub-etnik Teochew, 70 orang adalah lelaki dan 25 orang perempuan. Bagi sub-etnik Hokkien, 205 orang lelaki dan 122 orang perempuan. Selain itu, bagi sub-etnik Kantonis, 213 orang adalah lelaki dan 95 orang perempuan. Manakala bagi sub-etnik Hakka pula, 98 orang lelaki dan 61 orang perempuan.



Rajah 5.2: Taburan responden mengikut jantina (mengikut sub-etnik)

5.2.3 Kawasan kediaman

Berdasarkan Rajah 5.3, menunjukkan taburan responden berdasarkan kawasan kediaman. Bagi sub-etnik Teochew seramai 55 orang tinggal di bandar, 29 orang tinggal di pinggir bandar, 11 orang tinggal di kampung. Bagi sub-etnik Hokkien seramai 102 orang tinggal di bandar, 151 orang tinggal di pinggir bandar, 58 orang tinggal di kampung, dan 2 orang tinggal di estet. Bagi sub-etnik Kantonis seramai 283 orang tinggal di bandar, 18 orang tinggal di pinggir bandar, dan 6 orang tinggal di kampung. Manakala bagi sub-etnik Hakka pula, seramai 153 orang tinggal di bandar, dan 6 orang tinggal di pinggir bandar.




Rajah 5.3: Taburan responden berdasarkan kawasan kediaman (mengikut sub-etnik)

5.2.4 Tahap pendidikan

Berdasarkan Rajah 5.4, menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan.


Bagi kawasan sub-etnik Teochew, seramai 8 orang daripada pendidikan rendah, 49 orang daripada pendidikan menengah, 29 orang daripada diploma atau sijil dan 9 orang daripada pendidikan tertiari atau universiti. Bagi sub-etnik Hokkien, seramai 18 orang daripada pendidikan rendah, 209 orang daripada pendidikan menengah, 82 orang daripada diploma atau sijil dan 12 orang daripada pendidikan tertiari atau universiti. Bagi sub-etnik Kantonis, seramai 9 orang daripada pendidikan rendah, 150 orang daripada pendidikan menengah, 109 orang daripada diploma atau sijil, 38 orang daripada pendidikan tertiari atau universiti, 2 orang daripada lain-lain pendidikan. Manakala bagi sub-etnik Hakka pula, seramai 2 orang daripada pendidikan rendah, 114 orang daripada pendidikan menengah, 24 orang daripada diploma atau sijil dan 19 orang daripada pendidikan tertiari atau universiti.



Rajah 5.4: Taburan responden mengikut tahap pendidikan (mengikut sub-etnik)

5.2.5 Pekerjaan

Berdasarkan Rajah 5.5, menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan. Bagi sub etnik Teochew seramai 36 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 38 orang adalah kakitangan awam, 16 orang adalah kakitangan swasta, 4 orang daripada pelajar dan 1 orang tidak bekerja. Bagi sub etnik Hokkien, seramai 97 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 103 orang adalah kakitangan awam, 105 orang adalah kakitangan swasta, 10 orang daripada pelajar dan 4 orang tidak bekerja. Bagi sub-etnik Kantonis seramai 105 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 123 orang adalah kakitangan awam, 43 orang adalah kakitangan swasta, 22 orang daripada pelajar dan 9 orang tidak bekerja. Manakala bagi sub etnik Hakka pula, seramai 31 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 95 orang adalah kakitangan awam, 20 orang adalah kakitangan swasta, dan 13 orang daripada pelajar.




Rajah 5.5: Taburan responden mengikut pekerjaan (mengikut sub-etnik)

5.2.6 Pendapatan isi rumah

Berdasarkan Rajah 5.6, menunjukkan taburan responden mengikut pendapatan isi rumah. Bagi sub-etnik Teochew, seramai 32 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 53 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, dan 6 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000. Bagi sub-etnik Hokkien, seramai 146 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 149 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, 9 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000, dan 1 orang berpendapatan lebih daripada RM5001.

Bagi sub-etnik Kantonis, seramai 72 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 170 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, 27 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000, dan 2 orang berpendapatan lebih daripada RM5001. Manakala bagi sub-etnik Hakka pula, seramai 18 orang adalah berpendapatan bawah

RM1500, 114 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, dan 14 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000.




Rajah 5.6: Taburan responden mengikut pendapatan isi rumah (mengikut sub-etnik)

5.3 ANALISIS KEPIMPINAN KERAJAAN

Analisis di bahagian ini bertujuan mendapatkan gambaran persepsi sub-etnik pengundi Cina di Pulau Pinang terhadap kepimpinan kerajaan.

5.3.1 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negara sekarang


Rajah 5.7, menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap keadaan politik negara sekarang. Di dapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 299 orang, Teochew seramai 86 orang, Hokkien seramai 246 orang, dan Hakka 158 orang.



Rajah 5.7: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negara sekarang (mengikut sub-etnik)

5.3.2 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi negara sekarang


Rajah 5.8 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap keadaan ekonomi negara sekarang. Didapati sub-etnik Hokkien paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 290 orang. Manakala bagi Teochew seramai 86 orang, Kantonis seramai 284 orang, dan Hakka 156 orang.



Rajah 5.8: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi politik sekarang (mengikut sub-etnik)

5.3.3 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negeri Pulau Pinang sekarang


Rajah 5.9 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap keadaan politik Pulau Pinang sekarang. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 255 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 71 orang, Hokkien seramai 207 orang, dan Hakka 142 orang.



Rajah 5.9: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negeri Pulau Pinang sekarang (mengikut sub-etnik)

5.3.4 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi negeri Pulau Pinang sekarang


Rajah 5.10 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap keadaan ekonomi Pulau Pinang sekarang. Didapati sub-etnik Hokkien paling ramai berpuas hati iaitu seramai 254 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 71 orang, Kantonis seramai 237 orang, dan Hakka 139 orang.



Rajah 5.10: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi negeri Pulau Pinang sekarang (mengikut sub-etnik)

5.3.5 Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak


Rajah 5.11, menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap prestasi Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Di dapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 300 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 89 orang, Hokkien seramai 264 orang, dan Hakka 158 orang.



Rajah 5.11: Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak (mengikut sub-etnik)

5.3.6 Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Lim Guan Eng


Rajah 5.12 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap prestasi Lim Guan Eng. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 223 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 53 orang, Hokkien seramai 142 orang, dan Hakka 139 orang.



Rajah 5.12: Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Lim Guan Eng (mengikut sub-etnik)

5.3.7 Tahap kepuasan hati terhadap kerajaan persekutuan dalam menunaikan tanggungjawab mereka


Rajah 5.13 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap kerajaan persekutuan dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 301 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 90 orang, Hokkien seramai 268 orang, dan Hakka 158 orang.



Rajah 5.13: Tahap kepuasan hati terhadap kerajaan persekutuan dalam menunaikan tanggungjawab mereka (mengikut sub-etnik)

5.3.8 Tahap kepuasan hati terhadap kerajaan negeri dalam menunaikan tanggungjawab mereka


Rajah 5.14 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadap kerajaan negeri dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Di dapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 246 orang, Teochew seramai 61orang, Hokkien seramai 151 orang, dan Hakka 140 orang.



Rajah 5.14: Tahap kepuasan hati terhadap kerajaan negeri dalam menunaikan tanggungjawab mereka (mengikut sub-etnik)

5.3.9 Tahap kefahaman mengenai Program Transformasi Kerajaan (GTP)


Rajah 5.15 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik, memahami mengenai Program Transformasi Kerajaan (GTP). Didapati sub-etnik Kantonis dan Hokkien paling ramai yang faham mengenai Program Transformasi Kerajaan (GTP) iaitu masing-masing 303 orang. Manakala Teochew seramai 92 orang, dan Hakka seramai 159 orang.



Rajah 5.15: Tahap kefahaman mengenai program Transformasi Kerajaan (GTP) (mengikut sub-etnik)

5.3.10 Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)


Rajah 5.16 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik, memahami mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Di dapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang faham mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu seramai 297 orang. Manakala Teochew seramai 75 orang, Hokkien seramai 175 orang, dan Hakka seramai 158 orang.



Rajah 5.16: Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (mengikut sub-etnik)

5.3.11 Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA)

Rajah 5.17 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik, memahami mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA). Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang faham mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) iaitu seramai 291 orang. Manakala Teochew seramai 74 orang, Hokkien seramai 160 orang, dan Hakka seramai 157 orang.




Rajah 5.17: Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) (mengikut sub-etnik)

5.3.12 Masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang

Rajah 5.18, menunjukkan masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang. Didapati masalah penyelenggaraan jalan raya dan masalah kutipan sampah merupakan masalah yang paling banyak dipilih oleh responden. Bagi sub-etnik Teochew, seramai 88 orang mereka menyatakan penyelenggaraan jalan raya dan seramai 61 orang masalah kutipan sampah. Bagi sub-etnik Hokkien, 262 orang menyatakan masalah penyelenggaraan jalan raya dan seramai 243 orang menyatakan masalah kutipan sampah.

Bagi Sub-etnik Kantonis, seramai 251 orang menyatakan masalah penyelenggaraan jalan raya dan 188 orang menyatakan masalah kutipan sampah. Manakala bagi sub-etnik Hakka, seramai 150 orang menyatakan masalah penyelenggaraan jalan raya dan seramai 118 orang menyatakan masalah harga barang semakin meningkat.




Rajah 5.18: Masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.4 ANALISIS PENGLIBATAN POLITIK

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat penglibatan politik sub-etnik pengundi Cina di Pulau Pinang.

5.4.1 Tahap pendaftaran sebagai pengundi


Rajah 5.19 menunjukkan majoriti responden bagi semua sub-etnik telah mendaftar sebagai pengundi iaitu seramai 94 orang bagi sub-etnik Teochew, 314 orang bagi sub-etnik Hokkien, 298 orang bagi sub-etnik Kantonis, 159 orang bagi sub-etnik Hakka.



Rajah 5.19:Tahap pendaftaran sebagai pengundi (mengikut sub-etnik)

5.4.2 Tahap pengundian pada pilihan raya yang lepas


Rajah 5.20 menunjukkan majoriti responden bagi semua sub-etnik telah menunaikan tanggungjawab mengundi pada pilihan raya yang lepas iaitu seramai 89 orang bagi sub-etnik Teochew, 281 orang bagi sub-etnik Hokkien, 295 orang bagi sub-etnik Kantonis, 159 orang bagi sub-etnik Hakka dan 2 orang dari sub-etnik lain-lain.



Rajah 5.20: Tahap pengundian pada pilihan raya yang lepas (mengikut sub-etnik)

5.4.3 Penglibatan dalam parti politik


Rajah 5.21 menunjukkan majoriti responden bagi semua sub-etnik terlibat dalam mana-mana parti politik. Hasil kajian mendapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang terlibat dalam parti politik iaitu seramai 247 orang. Manakala Teochew seramai 69 orang, Hokkien seramai 159 orang, dan Hakka seramai 141 orang.



Rajah 5.21: Penglibatan dalam parti politik (mengikut sub-etnik)

5.4.4 Parti politik yang disertai


Rajah 5.22 menunjukkan parti politik yang disertai oleh responden bagi semua sub-etnik. Hasil kajian mendapati parti politik MCA paling ramai disertai oleh sub-etnik Hokkien iaitu seramai 174 orang, parti politik GERAKAN dan DAP paling ramai disertai oleh sub-etnik Kantonis iaitu masing-masing seramai 123 orang dan 115 orang. Manakala parti PKR dan lain-lain parti, hampir tiada responden dari mana-mana sub-etnik yang menyertai.



Rajah 5.22: Parti politik yang disertai (mengikut sub-etnik)

5.4.5 Penglibatan sebagai aktivis parti (memegang sebarang jawatan atau terlibat secara langsung dalam aktiviti parti)

Rajah 5.23 menunjukkan tahap penglibatan responden sebagai aktivis parti oleh kesemua sub-etnik. Bagi sub-etnik Teochew, jumlah responden yang terlibat dan tidak terlibat dalam aktivis parti boleh dikatakan sama banyak iaitu masing-masing seramai 49 orang dan 41 orang. Bagi sub-etnik Hokkien, lebih ramai responden yang tidak terlibat dalam aktivis parti iaitu seramai 216 orang dan jumlah yang terlibat seramai 82 orang. Manakala bagi sub-etnik Kantonis pula lebih ramai yang terlibat berbanding dengan tidak terlibat iaitu masing-masing 223 orang dan 77 orang. Bagi sub-etnik Hakka, seramai 134 orang yang terlibat sebagai aktivis parti dan 24 orang tidak terlibat.




Rajah 5.23: Penglibatan sebagai aktivis parti (mengikut sub-etnik)

5.5 ANALISIS PARTI POLITIK DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi sub-etnik pengundi cina terhadap parti politik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

5.5.1 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebijakan rakyat


Rajah 5.24 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati terhadapperanan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebijakan rakyat.Didapati sub-etnik Hokkien paling ramai berpuas hati iaitu, seramai 208 orang. Manakala Teochew seramai 57 orang, kantonis seramai 125 orang, dan Hakka 92 orang berpuas hati.



Rajah 5.24: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebijakan rakyat (mengikut sub-etnik)

5.5.2 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebijikan


Rajah 5.25 menunjukkan hanya responden daripada Hokkien majoriti berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebijikan rakyat iaitu seramai 97 orang. Manakala bagi sub etnik Kantonis merupakan sub-etnik paling ramai yang tidak berpuas hati iaitu seramai 155 orang. Bagi sub etnik Teochew seramai 29 orang tidak berpuas hati dan terdapat seramai 64 orang daripada sub-etnik Hakka yang tidak pasti.



Rajah 5.25: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan (mengikut sub- etnik)

5.5.3 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh GERAKAN dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan


Rajah 5.26 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh GERAKAN. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu seramai 161 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew dan Hokkien masing-masing 29 orang dan 54 orang. Walau bagaimanapun, bagi sub-etnik Hakka terdapat seramai 64 orang tidak pasti dan 43 orang yang berpuas hati.



Rajah 5.26: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebijakan (mengikut sub-etnik)

5.5.4 Tahap relevan parti MCA kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.27 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan parti MCA masih lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Didapati sub-etnik Hokkien paling ramai menyatakan parti MCA masih lagi relevan iaitu seramai 207 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 57 orang, Kantonis seramai 125 orang dan Hakka seramai 94 orang.



Rajah 5.27: Tahap relevan parti MCA kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.5 Tahap relevan parti DAP kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.28 menunjukkan sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik DAP tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang iaitu seramai 154 orang. Bagi sub-etnik Teochew, seramai 29 orang menyatakan tidak relevan. Manakala bagi sub-etnik Hokkien seramai 97 orang menyatakan masih lagi relevan. Walau bagaimanapun, bagi sub-etnik Hakka, seramai 65 orang yang tidak pasti dan 45 orang yang menyatakan masih lagi relevan.



Rajah 5.28: Tahap relevan parti DAP kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.6 Tahap relevan parti GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.29 menunjukkan sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik GERAKAN masih lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang iaitu seramai 161 orang. Bagi sub-etnik Teochew dan Hokkien masing-masing seramai 29 orang dan 53 orang yang menyatakan masih lagi relevan. Walau bagaimanapun bagi sub-etnik Hakka seramai 65 orang tidak pasti dan 42 orang menyatakan masih relevan.



Rajah 5.29: Tahap relevan parti GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.7 Tahap relevan parti PERKASA kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.30 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan PERKASA tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik PERKASA tidak lagi relevan iaitu seramai 177 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 43 orang, Hokkien seramai 64 orang, dan Hakka seramai 116 orang.



Rajah 5.30: Tahap relevan parti PERKASA kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.8 Tahap relevan parti DHONG ZHONG kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.31 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan DHONG ZHONG tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik DHONG ZHONG tidak lagi relevan iaitu seramai 184 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 43 orang, Hokkien seramai 65 orang, dan Hakka seramai 115 orang.



Rajah 5.31: Tahap relevan parti DHONG ZHONG kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.9 Tahap relevan parti HINDRAF kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.32 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan HINDRAF tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik HINDRAF tidak lagi relevan iaitu seramai 220 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 47 orang, Hokkien seramai 71 orang, dan Hakka seramai 124 orang.



Rajah 5.32: Tahap relevan parti HINDRAF kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.10 Tahap relevan parti BERSIH kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.33 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan BERSIH tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik BERSIH tidak lagi relevan iaitu seramai 204 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 44 orang, Hokkien seramai 64 orang, dan Hakka seramai 119 orang.



Rajah 5.33: Tahap relevan parti BERSIH kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.5.11 Tahap relevan parti HIMPUN kepada rakyat Pulau Pinang

Rajah 5.34 menunjukkan majoriti responden di kesemua sub-etnik menyatakan HIMPUN tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai menyatakan parti politik HIMPUN tidak lagi relevan iaitu seramai 174 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 41 orang, Hokkien seramai 61 orang, dan Hakka seramai 112 orang.




Rajah 5.34: Tahap relevan parti HIMPUN kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.6 ANALISIS PRESTASI WAKIL RAKYAT

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi sub-etnik pengundi cina di Pulau Pinang terhadap prestasi wakil rakyat di kawasan masing-masing.

5.6.1 Pengetahuan tentang ahli parlimen kawasan


Rajah 5.35, menunjukkan majoriti responden di kesemua sub-etnik mengenali ahli parlimen kawasan masing-masing. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai mengenali ahli parlimen kawasan masing-masing iaitu seramai 301 orang. Bagi sub-etnik Teochew, seramai 89 orang, Hokkien seramai 294 orang, dan Hakka seramai 159 orang,



Rajah 5.35: Pengetahuan tentang ahli parlimen kawasan (mengikut sub-etnik)

5.6.2 Pengetahuan tentang ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 5.36, menunjukkan majoriti responden di kesemua sub-etnik mengenali ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing. Didapati sub-etnik Hokkien paling ramai mengenali ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing iaitu seramai 288 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew, seramai 83 orang, Kantonis seramai 263 orang, dan Hakka seramai 147 orang.



Rajah 5.36: Pengetahuan tentang ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut sub-etnik)

5.6.3 Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 5.37 menunjukkan hanya responden daripada sub-etnik Hokkien paling ramai yang tidak pernah berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan masing-masing iaitu seramai 168 orang. Manakala bagi sub-etnik yang pernah berurusan adalah seramai 62 orang daripada Teochew, 247 orang daripada Kantonis dan 141 orang daripada Hakka.



Rajah 5.37:Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan (mengikut sub-etnik)

5.6.4 Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 5.38 menunjukkan hanya responden daripada sub-etnik Hokkien paling ramai yang tidak pernah berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)masing-masing iaitu seramai 167 orang. Manakala bagi sub-etnik yang pernah berurusan adalah seramai 61 orang daripada Teochew, 247 orang daripada Kantonis dan 141 orang daripada Hakka.



Rajah 5.38: Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut sub-etnik)

5.6.5 kepuasan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 5.39, menunjukkan menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati dengan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan masing-masing. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang berpuas hati iaitu seramai 248 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 58 orang, Hokkien seramai 137 orang, dan Hakka seramai 141 orang.



Rajah 5.39: Kepuasan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan (mengikut sub-etnik)

5.6.6 Kepuasan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 5.40, menunjukkan menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati dengan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang berpuas hati iaitu seramai 207 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 51 orang, Hokkien seramai 118 orang, dan Hakka seramai 118 orang.



Rajah 5.40: Kepuasan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut sub-etnik)

5.6.7 Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 5.41 menunjukkan menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan wajar mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang menyatakan wajar iaitu seramai 241 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 61 orang, Hokkien seramai 137 orang, dan Hakka seramai 130 orang.



Rajah 5.41: Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan (mengikut sub-etnik)

5.6.8 Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 5.42 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan wajar mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang menyatakan wajar iaitu seramai 243 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 56 orang, Hokkien seramai 125 orang, dan Hakka seramai 130 orang.



Rajah 5.42: Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut sub-etnik)

5.6.9 Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen


Rajah 5.43 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan wajar mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang menyatakan wajar iaitu seramai 242 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 58 orang, Hokkien seramai 125 orang, dan Hakka seramai 130 orang.



Rajah 5.43: Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen (mengikut sub-etnik)

5.6.10 Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)


Rajah 5.44 menunjukkan menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik menyatakan wajar mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang menyatakan wajar iaitu seramai 205 orang. Bagi sub-etnik Teochew seramai 61 orang, Hokkien seramai 172 orang, dan Hakka seramai 118 orang.



Rajah 5.44: Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) (mengikut sub-etnik)

5.6.11 Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13

Rajah 5.45 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik memilih Koh Tsu Koon sebagai bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU13. Bagaimanapun Lim Guan Eng juga merupakan calon kedua terbanyak dipilih oleh responden daripada kesemua sub-etnik. Bagi sub-etnik Teochew seramai 51 orang memilih Koh Tsu Koon dan 21 orang memilih Lim Guan Eng. Bagi sub-etnik Hokkien seramai 143 memilih Koh Tsu Koon dan 102 memilih Lim Guan Eng. Bagi sub-etnik Kantonis pula seramai 142 memilih Koh Tsu Koon dan 114 memilih Lim Guan Eng. Manakala bagi sub-etnik Hakka pula, seramai 97 orang memilih Koh Tsu Koon dan 46 orang memilih Lim Guan Eng.



Rajah 5.45: Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13 (mengikut sub-etnik)

5.6.12 Ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan

Rajah 5.46 menunjukkan ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan responden bagi kesemua sub-etnik. Ciri-ciri ini dipilih berdasarkan pemilihan tertinggi responden terhadap ciri-ciri personaliti yang disenaraikan.


Hasil dapatan kajian mendapati responden bagi sub-etnik Teochew kebanyakannya memilih wakil rakyat yang rajin menemui rakyat (78 orang), mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (70 orang), mudah dihubungi (68 orang), bertindak secara professional (47 orang), dan merendah diri (44 orang).

Bagi sub-etnik Hokkien, kebanyakan responden memilih wakil rakyat yang mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (271 orang), rajin menemui rakyat (255 orang), mudah dihubungi (242 orang), merendah diri (206 orang), mempunyai latar

belakang keluarga yang baik (134 orang), dan bertindak secara professional (102 orang).

Bagi sub-etnik Kantonis, kebanyakkan responden memilih wakil rakyat yang rajin menemui rakyat (272 orang), mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (257 orang), mudah dihubungi (158 orang), bertindak secara professional (158 orang), dan imej diri yang bersih (98 orang).

Manakala bagi sub-etnik Hakka pula, kebanyakkan responden memilih wakil rakyat yang mudah dihubungi (119 orang), tidak mungkir janji (97 orang), mempunyai latar belakang keluarga yang baik (90 orang), rajin menemui rakyat (84 orang), dan pandai bergaul dengan semua lapisan masyarakat (80 orang)




Rajah 5.46: Ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan (mengikut sub-etnik)

5.7 ANALISIS ISU-ISU SEMASA

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi sub-etnik pengundi cina di Pulau Pinang terhadap isu-su semasa.

5.7.1 Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji-janji dalam pilihan raya yang lalu


Rajah 5.47, menunjukkan majoriti responden di kesemua sub-etnik bersetuju menyatakan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji mereka dalam pilihan raya yang lalu. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai bersetuju iaitu seramai 252 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 76 orang, Hokkien seramai 245 orang, dan Hakka 141 orang.



Rajah 5.47: Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji-janji dalam pilihan raya yang lalu(mengikut sub-etnik)

5.7.2 Kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini


Rajah 5.48, Menunjukkan hanya sub-etnik Kantonis sahaja yang bersetuju menyatakan Kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini iaitu seramai 174 orang. Manakala sub-etnik yang lain majoriti tidak bersetuju. Bagi sub-etnik Teochew, seramai 61 orang tidak bersetuju, Hokkien seramai 211 orang tidak bersetuju, dan Hakka seramai 101 orang tidak bersetuju.



Rajah 5.48: kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini (mengikut sub-etnik)

5.7.3 Kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan


Rajah 5.49, Menunjukkan hanya sub-etnik Hakka yang paling ramai yang tidak bersetuju kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan iaitu seramai 96 orang. Manakala sub-etnik yang lain majoriti bersetuju iaitu bagi sub-etnik Teochew, seramai 55 orang bersetuju, Hokkien seramai 207 orang bersetuju, dan Kantonis seramai 177 orang bersetuju.



Rajah 5.49: Kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan (mengikut sub-etnik)

5.7.4 Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang


Rajah 5.50, Menunjukkan majoriti responden bagi sub-etnik Kantonis bersetuju bahawa Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang iaitu seramai 270 orang. Bergitu juga dengan sub-etnik Teochew yang kebanyakannya bersetuju iaitu seramai 50 orang. Manakala bagi sub-etnik Hokkien dan Hakka, kebanyakannya responden tidak bersetuju iaitu masing-masing seramai 157 orang dan 80 orang.



Rajah 5.50: Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang (mengikut sub-etnik)

5.7.5 Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara


Rajah 5.51, Menunjukkan hanya sub-etnik Hakka sahaja yang kebanyakannya tidak bersetuju bahawa Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara iaitu seramai 80 orang. Manakala sub-etnik yang lain majoriti bersetuju iaitu bagi sub-etnik Teochew, seramai 63 orang bersetuju, Hokkien seramai 30 orang bersetuju, dan Kantonis seramai 228 orang bersetuju.



Rajah 5.51: Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara (mengikut sub-etnik)

5.7.6 Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara


Rajah 5.52, menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik bersetuju bahawa Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai bersetuju iaitu seramai 257 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 80 orang, Hokkien seramai 237 orang, dan Hakka 145 orang.



Rajah 5.52: Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara (mengikut sub-etnik)

5.7.7 Tidak yakin terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim


Rajah 5.53, Menunjukkan hanya sub-etnik Kantonis sahaja yang kebanyakannya yakin terhadap Dato' Seri Anuar Ibrahim iaitu seramai 144 orang. Manakala sub-etnik yang lain majoriti tidak yakin dengan kepimpinan beliau. Bagi sub-etnik Teochew, seramai 51 orang, Hokkien seramai 199 orang, dan Hakka pula, seramai 101 orang.



**Rajah 5.53: Tidak yakin terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim
(mengikut sub-etnik)**

5.7.8 Gagasan 1Malaysia


Rajah 5.54, menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik berpuas hati dengan Gagasan 1Malaysia. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai berpuas hati iaitu seramai 298 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 89 orang, Hokkien seramai 270 orang, dan Hakka 158 orang.



Rajah 5.54: Gagasan 1Malaysia (mengikut sub-etnik)

5.7.9 Isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat


Rajah 5.55 menunjukkan majoriti responden di kesemua sub-etnik bersetuju bahawa isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan rakyat. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai bersetuju iaitu seramai 286 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 85 orang, Hokkien seramai 255 orang, dan Hakka 156 orang.



Rajah 5.55: Isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat (mengikut sub-etnik)

5.7.10 Penyokong gerakan BERSIH


Rajah 5.56 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik tidak menyokong gerakan BERSIH. Didapati sub-etnik Hokkien paling ramai tidak menyokong iaitu seramai 248 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 78 orang, Kantonis seramai 238 orang, dan Hakka 133 orang.



Rajah 5.56: Penyokong gerakan BERSIH (mengikut sub-etnik)

5.7.11 Amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik


Rajah 5.57 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik bersetuju dengan amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang bersetuju iaitu seramai 294 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 89 orang, Hokkien seramai 274 orang, dan Hakka 155 orang.



Rajah 5.57: Amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik (mengikut sub-etnik)

5.7.12 Kerajaan BN di peringkat Persekutuan perlu dikekalkan

Rajah 5.58 menunjukkan majoriti responden daripada kesemua sub-etnik bersetuju bahawa kerajaan BN di peringkat persekutuan perlu dikekalkan. Didapati sub-etnik Kantonis paling ramai yang bersetuju iaitu seramai 285 orang. Manakala bagi sub-etnik Teochew seramai 87 orang, Hokkien seramai 260 orang, dan Hakka 155 orang.



Rajah 5.58: Kerajaan BN di peringkat persekutuan perlu dikekalkan (mengikut sub-etnik)

BAB 6: ANALISIS MENGIKUT COHORT UMUR

6.1 PENGENALAN


Analisis di bab ini akan menerangkan mengenai hasil kajian yang dilakukan mengikut kategori cohort umur pengundi Cina di Pulau Pinang iaitu Gen-Y (21 hingga 34 tahun), Gen-X (35 hingga 46 tahun), Baby Boom (47 hingga 65 tahun) dan Pre Boom (65 tahun ke atas). Analisis ini dilakukan bertujuan mendapatkan gambaran mengenai persepsi pengundi Cina terhadap pilihanraya umum ke-13 mengikut cohort umur tersebut.

6.2 ANALISIS PROFIL RESPONDEN

Analisis di bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat profil responden meliputi bahagian demografi responden seperti jantina, kawasan kediaman, tahap pendidikan, pekerjaan, dan pendapatan isi rumah.

6.2.1 Jantina


Berdasarkan Rajah 6.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Bagi kategori Gen-Y seramai 242 orang lelaki dan 119 orang perempuan, Gen-X seramai 191 orang lelaki dan 92 orang perempuan,, Baby Boom 111 orang lelaki dan 74 orang perempuan dan Pre Boom seramai 32 orang lelaki dan 6 orang perempuan.



Rajah 6.1: Taburan responden mengikut jantina (mengikut cohort umur)

6.2.2 Etnik


Berdasarkan Rajah 6.2 menunjukkan taburan responden mengikut etnik. Bagi kategori Gen-Y seramai 39 orang daripada sub-etnik Teochew, 141 orang daripada sub-etnik Hokkien, 134 orang daripada sub-etnik Kantonis dan 49 orang daripada sub-etnik Hakka. Bagi kategori Gen-Y seramai 28 orang daripada sub-etnik Teochew, 114 orang daripada sub-etnik Hokkien, 82 orang daripada sub-etnik Kantonis dan 56 orang daripada sub-etnik Hakka. Bagi kategori Baby Boom, seramai 24 orang daripada sub-etnik Teochew, 49 orang daripada sub-etnik Hokkien, 65 orang daripada sub-etnik Kantonis dan 47 orang daripada sub-etnik Hakka. Manakala daripada sub-etnik Pre Boom, seramai 3 orang daripada sub-etnik Teochew, 12 orang daripada sub-etnik Hokkien, 19 orang daripada sub-etnik Kantonis dan 4 orang daripada sub-etnik Hakka



Rajah 6.2: Taburan responden mengikut etnik (mengikut cohort umur)

6.2.3 Kawasan kediaman

Berdasarkan Rajah 6.3, menunjukkan taburan responden berdasarkan kawasan kediaman. Bagi kategori Gen-Y seramai 230 orang tinggal di bandar, 107 orang tinggal di pinggir Bandar, dan 23 orang tinggal di kampung. Bagi kategori Gen-X seramai 180 orang tinggal di bandar, 63 orang tinggal di pinggir bandar, 33 orang tinggal di kampung dan 2 orang tinggal di estet. Bagi kategori Baby Boom, 135 orang tinggal di Bandar, 32 orang tinggal di pinggir bandar, dan 17 orang tinggal di kampung. Manakala bagi kategori Pre Boom pula, seramai 35 orang tinggal di bandar, 2 orang tinggal di pinggir bandar, dan 1 orang tinggal di kampung.




Rajah 6.3: Taburan responden berdasarkan kawasan kediaman (mengikut cohort umur)

6.2.4 Tahap pendidikan

Berdasarkan Rajah 6.4, menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan.


Bagi kategori Gen-Y seramai 11 orang daripada pendidikan rendah, 146 orang daripada pendidikan menengah, 151 orang daripada diploma atau sijil, dan 53 orang daripada tertiari atau universiti. Bagi kategori Gen-X seramai 8 orang daripada pendidikan rendah, 183 orang daripada pendidikan menengah, 72 orang daripada diploma atau sijil dan 20 orang daripada tertiari atau universiti. Bagi kategori Baby Boom seramai 9 orang daripada pendidikan rendah, 156 orang daripada pendidikan menengah, 18 orang daripada diploma atau sijil dan 2 orang daripada tertiari atau universiti. Manakala bagi kategori Pre Boom seramai 5 orang daripada pendidikan rendah, 31 orang daripada pendidikan menengah, dan 2 orang daripada diploma atau sijil.



Rajah 6.4: Taburan responden mengikut tahap pendidikan (mengikut cohort umur)

6.2.5 Pekerjaan


Berdasarkan Rajah 6.5, menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan. Bagi kategori Gen-Y seramai 88 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 145 orang daripada kakitangan awam, 77 orang daripada kakitangan swasta, 49 orang pelajar dan 3 orang tidak bekerja. Bagi kategori Gen-X, seramai 79 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 134 orang daripada kakitangan awam, 68 orang daripada kakitangan swasta, dan 1 orang tidak bekerja. Bagi kategori Baby Boom, seramai 74 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 68 orang daripada kakitangan awam, 36 orang daripada kakitangan swasta, 6 orang tidak bekerja. Manakala bagi kategori Pre Boom seramai 28 orang bekerja sendiri atau bermiaga, 2 orang daripada kakitangan awam, 2 orang daripada kakitangan swasta, dan 4 orang tidak bekerja.



Rajah 6.5: Taburan responden mengikut pekerjaan (mengikut cohort umur)

6.2.6 Pendapatan isi rumah

Berdasarkan Rajah 6.6, menunjukkan taburan responden mengikut pendapatan isi rumah. Bagi kategori Gen-Y seramai 128 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 167 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, 16 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000 dan 1 orang berpendapatan lebih daripada RM5000. Bagi kategori Gen-X seramai 78 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 184 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, 18 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000 dan 1 orang berpendapatan lebih daripada RM5000. Bagi kategori Baby Boom, seramai 52 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 107 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, 15 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000 dan 1 orang berpendapatan lebih daripada RM5000. Manakala bagi kategori Pre Boom seramai 8 orang adalah berpendapatan bawah RM1500, 20 orang berpendapatan antara RM1501 sehingga RM3000, dan 5 orang berpendapatan RM3001 sehingga RM5000.




Rajah 6.6: Taburan responden mengikut pendapatan isi rumah (mengikut cohort umur)

6.3 ANALISIS KEPIMPINAN KERAJAAN

Analisis di bahagian ini bertujuan mendapatkan gambaran persepsi pengundi Cina di Pulau Pinang mengikut cohort umur terhadap kepimpinan kerajaan.

6.3.1 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negara sekarang


Rajah 6.7 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap keadaan politik negara sekarang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 324 orang daripada Gen-Y, 243 orang daripada Gen-X, 172 orang daripada Baby Boom dan seramai 38 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.7: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negara sekarang (mengikut cohort umur)

6.3.2 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi negara sekarang


Rajah 6.8 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap keadaan ekonomi negara sekarang. Hasil dapatan kajian mencatatkan mendapati seramai 330 orang daripada Gen-Y, 260 orang daripada Gen-X, 175 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.8: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi politik sekarang (mengikut cohort umur)

6.3.3 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negeri Pulau Pinang sekarang


Rajah 6.9 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap keadaan politik di negeri Pulau Pinang sekarang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 262 orang daripada kategori Gen-Y, 207 orang daripada Gen-X, 157 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.9: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan politik negeri Pulau Pinang sekarang (mengikut cohort umur)

6.3.4 Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi negeri Pulau Pinang sekarang


Rajah 6.10 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap keadaan ekonomi di negeri Pulau Pinang sekarang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 265 orang daripada Gen-Y, 227 orang daripada Gen-X, 159 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.10: Tahap kepuasan responden terhadap keadaan ekonomi negeri Pulau Pinang sekarang (mengikut cohort umur)

6.3.5 Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak


Rajah 6.11 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap prestasi Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 330 orang daripada Gen-Y, 257 orang daripada Gen-X, 173 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.11: Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak (mengikut cohort umur)

6.3.6 Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Lim Guan Eng


Rajah 6.12 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur juga berpuas hati terhadap prestasi Lim Guan Eng. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 203 orang daripada kategori Gen-Y, 167 orang daripada Gen-X, 137 orang daripada Baby Boom dan 36 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.12: Tahap kepuasan hati terhadap prestasi Lim Guan Eng (mengikut cohort umur)

6.3.7 Tahap kepuasan hati terhadap Kerajaan Persekutuan dalam menunaikan tanggungjawab mereka


Rajah 6.13 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap Kerajaan Persekutuan dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 335 orang daripada kategori Gen-Y, 256 orang daripada Gen-X, 176 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.13: Tahap kepuasan hati terhadap Kerajaan Persekutuan dalam menunaikan tanggungjawab mereka (mengikut cohort umur)

6.3.8 Tahap kepuasan hati terhadap Kerajaan Negeri dalam menunaikan tanggungjawab mereka


Rajah 6.14 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap kerajaan negeri dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 218 orang daripada kategori Gen-Y, 186 orang daripada Gen-X, 143 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.14: Tahap kepuasan hati terhadap kerajaan negeri dalam menunaikan tanggungjawab mereka (mengikut cohort umur)

6.3.9 Tahap kefahaman mengenai Program Transformasi Kerajaan (GTP)


Rajah 6.14 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur faham mengenai Program Transformasi Kerajaan (GTP). Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 218 orang daripada kategori Gen-Y, 186 orang daripada Gen-X, 143 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom faham berkenaan (GTP).



Rajah 6.15: Tahap kefahaman mengenai program Transformasi Kerajaan (GTP) (mengikut cohort umur)

6.3.10 Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)


Rajah 6.15 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur faham mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 287 orang daripada kategori Gen-Y, 206 orang daripada Gen-X, 162 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom faham berkenaan (NKRA).



Rajah 6.16: Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (mengikut cohort umur)

6.3.11 Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA)


Rajah 6.16 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur faham mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA). Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 271 orang daripada kategori Gen-Y, 201 orang daripada Gen-X, 159 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom faham berkenaan (NKEA).



Rajah 6.17: Tahap kefahaman mengenai Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) (mengikut cohort umur)

6.3.12 Masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang

Rajah 5.18 menunjukkan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang. Didapati masalah penyelenggaraan jalan raya merupakan masalah yang paling banyak dipilih oleh responden. Bagi kategori Gen-Y masalah yang paling ramai dipilih oleh responden ialah masalah penyelenggaraan jalan raya iaitu seramai 286 orang dan masalah kutipan sampah seramai 281 orang. Bergitu juga dengan kategori Gen-X, masalah yang paling ramai dipilih oleh responden ialah masalah penyelenggaraan jalan raya iaitu seramai 261 orang dan masalah kutipan sampah seramai 166 orang. Bagi kategori Baby Boom pula, seramai 166 orang memilih masalah penyelenggaraan jalan raya dan 104 orang memilih harga barang semakin meningkat. Manakala bagi kategori Pre Boom, seramai 33 orang memilih penyelenggaraan jalan raya dan 24 orang memilih harga barang semakin meningkat.




Rajah 6.18: Masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.4 ANALISIS PENGLIBATAN POLITIK

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat penglibatan politik pengundi Cina di Pulau Pinang mengikut cohort umur.

6.4.1 Tahap pendaftaran sebagai pengundi


Rajah 6.19 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur telah mendaftar sebagai pengundi. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 355 orang daripada kategori Gen-Y, 282 orang daripada Gen-X, 178 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom telah mendaftar. Manakala jumlah yang tidak mendaftar adalah sangat sedikit.



Rajah 6.19: Tahap pendaftaran sebagai pengundi (mengikut cohort umur)

6.4.2 Tahap pengundian pada pilihan raya yang lepas


Rajah 6.20 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur telah menunaikan tanggungjawab mengundi pada pilihan raya yang lepas. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 339 orang daripada kategori Gen-Y, 260 orang daripada Gen-X, 175 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom keluar mengundi. Manakala jumlah yang tidak mendaftar sangat sedikit.



Rajah 6.20: Tahap pengundian pada pilihan raya yang lepas (mengikut cohort umur)

6.4.3 Penglibatan dalam parti politik


Rajah 6.21 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur terlibat dalam parti politik. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 239 orang daripada kategori Gen-Y, 183 orang daripada Gen-X, 145 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom terlibat.



Rajah 6.21: Penglibatan dalam parti politik (mengikut cohort umur)

6.4.4 Parti politik yang disertai


Rajah 6.22 menunjukkan majoriti kategori Gen-Y paling ramai menyertai parti politik DAP iaitu seramai 147 orang. MCA seramai 137 orang dan GERAKAN seramai 70 orang. Kategori Gen-X pula, paling ramai menyertai parti politik MCA iaitu seramai 132 orang, GERAKAN seramai 77 orang dan DAP seramai 69 orang. Bagi kategori Baby Boom, responden paling ramai menyertai parti politik MCA iaitu seramai 74 orang, GERAKAN seramai 64 orang dan DAP seramai 41 orang. Manakala bagi kategori Pre Boom pula, responden paling ramai menyertai parti politik GERAKAN iaitu seramai 21 orang, MCA seramai 9 orang, dan DAP seramai 7 orang.



Rajah 6.22: Parti politik yang disertai (mengikut cohort umur)

6.4.5 Penglibatan sebagai aktivis parti

Rajah 6.23 menunjukkan majoriti responden bagi setiap cohort umur merupakan aktivis parti. Bagi kategori Gen-Y seramai 173 orang merupakan aktivis dan 175 tidak, kategori Gen-X seramai 149 orang merupakan aktivis dan 121 tidak. Bagi kategori Baby Boom pula, seramai 124 orang merupakan aktivis dan 55 orang tidak. Manakala bagi kategori Pre Boom, seramai 30 orang aktivis dan 7 orang tidak.




Rajah 6.23: Penglibatan sebagai aktivis parti (mengikut cohort umur)

6.5 ANALISIS PARTI POLITIK DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi pengundi Cina di setiap cohort umur terhadap parti politik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

6.5.1 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebijakan rakyat


Rajah 6.24 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebijakan rakyat. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 165 orang daripada kategori Gen-Y, 170 orang daripada Gen-X, 112 orang daripada Baby Boom dan 24 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.24: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh MCA dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat (mengikut cohort umur)

6.5.2 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan


Rajah 6.25 menunjukkan responden dikategori umur Gen-Y sahaja majoriti yang berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat iaitu seramai 153 orang. Manakala bagi kategori Gen-X lebih ramai yang tidak berpuas hati iaitu seramai 87 orang. Bergitu juga dengan kategori Baby Boom dan Pre Boom masing-masing seramai 71 orang dan 27 orang yang tidak berpuas hati.



Rajah 6.25: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh DAP dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan(mengikut cohort umur)

6.5.3 Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh GERAKAN dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan


Rajah 6.26 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati terhadap peranan yang dimainkan oleh GERAKAN dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan rakyat. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 93 orang daripada kategori Gen-Y, 91 orang daripada Gen-X, 73 orang daripada Baby Boom dan 27 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.26: Tahap kepuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh GERAKAN dalam memperjuangkan masalah dan kebajikan (mengikut cohort umur)

6.5.4 Tahap relevan parti MCA kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.27 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik MCA masih lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 165 orang daripada kategori Gen-Y, 169 orang daripada Gen-X, 114 orang daripada Baby Boom dan 24 orang daripada Pre Boom menyatakan relevan.



Rajah 6.27: Tahap relevan parti MCA kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.5 Tahap relevan parti DAP kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.28 menunjukkan hanya responden di kategori Gen-Y sahaja menyatakan parti politik DAP masih lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang iaitu seramai 153 orang. Manakala bagi kategori yang lain majoritinya menyatakan DAP tidak lagi relevan iaitu seramai 84 orang daripada Gen-X, 71 orang daripada Baby Boom dan 27 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.28: Tahap relevan parti DAP kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.6 Tahap relevan parti GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 5.29 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik GERAKAN masih lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 92 orang daripada kategori Gen-Y, 91 orang daripada Gen-X, 72 orang daripada Baby Boom dan 27 orang daripada Pre Boom menyatakan relevan.



Rajah 6.29: Tahap relevan parti GERAKAN kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.7 Tahap relevan parti PERKASA kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 6.30 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik PERKASA tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 125 orang daripada kategori Gen-Y, 128 orang daripada Gen-X, 114 orang daripada Baby Boom dan 28 orang daripada Pre Boom menyatakan tidak relevan.



Rajah 6.30: Tahap relevan parti PERKASA kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.8 Tahap relevan parti DHONG ZHONG kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 6.31 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik DHONG ZHONG tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 128 orang daripada kategori Gen-Y, 131 orang daripada Gen-X, 112 orang daripada Baby Boom dan 28 orang daripada Pre Boom menyatakan tidak relevan.



Rajah 6.31: Tahap relevan parti DHONG ZHONG kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.9 Tahap relevan parti HINDRAF kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 6.32 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik HINDRAF tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 157 orang daripada kategori Gen-Y, 151 orang daripada Gen-X, 120 orang daripada Baby Boom dan 27 orang daripada Pre Boom menyatakan tidak relevan.



Rajah 6.32: Tahap relevan parti HINDRAF kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.10 Tahap relevan parti BERSIH kepada rakyat Pulau Pinang


Rajah 6.33 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik BERSIH tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 137 orang daripada kategori Gen-Y, 146 orang daripada Gen-X, 116 orang daripada Baby Boom dan 26 orang daripada Pre Boom menyatakan tidak relevan.



Rajah 6.33: Tahap relevan parti BERSIH kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.5.11 Tahap relevan parti HIMPUN kepada rakyat Pulau Pinang

Rajah 6.34 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan parti politik HIMPUN tidak lagi relevan kepada rakyat Pulau Pinang. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 118 orang daripada kategori Gen-Y, 126 orang daripada Gen-X, 113 orang daripada Baby Boom dan 27 orang daripada Pre Boom menyatakan tidak relevan.




Rajah 6.34: Tahap relevan parti HIMPUN kepada rakyat Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.6 ANALISIS PRESTASI WAKIL RAKYAT

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi pengundi cina di Pulau Pinang mengikut cohort umur terhadap prestasi wakil rakyat di kawasan masing-masing.

6.6.1 Pengetahuan tentang Ahli Parlimen Kawasan


Rajah 6.35, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur mengenali Ahli Parlimen Kawasan masing-masing. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 334 orang daripada Gen-Y, 271 orang daripada Gen-X, 179 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom mengenali Ahli Parlimen Kawasan.



Rajah 6.35: Pengetahuan tentang ahli parlimen kawasan (mengikut cohort umur)

6.6.2 Pengetahuan tentang ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 6.36, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur mengenali ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 311 orang daripada Gen-Y, 250 orang daripada Gen-X, 171 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom mengenali ADUN kawasan masing-masing.



Rajah 6.36: Pengetahuan tentang ahli Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut cohort umur)

6.6.3 Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 6.37, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur pernah berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan masing-masing. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 219 orang daripada kategori Gen-Y, 172 orang daripada Gen-X, 137 orang daripada Baby Boom dan 35 orang daripada Pre Boom pernah berurusan.



Rajah 6.37:Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Parlimen kawasan (mengikut cohort umur)

6.6.4 Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 6.38, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur pernah berurusan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) masing-masing. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 215 orang daripada Gen-Y, 172 orang daripada Gen-X, 137 orang daripada Baby Boom dan 35 orang daripada Pre Boom pernah berurusan.



Rajah 6.38: Penglibatan dalam berurusan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut cohort umur)

6.6.5 Tahap kepuasan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan


Rajah 6.39 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati dengan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 213 orang daripada Gen-Y, 179 orang daripada Gen-X, 144 orang daripada Baby Boom dan 35 orang daripada Pre Boom berpuas hati.



Rajah 6.39: Kepuasan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan (mengikut cohort umur)

6.6.6 Tahap kepuasan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Rajah 6.40 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati dengan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 206 orang daripada kategori Gen-Y, 152 orang daripada Gen-X, 105 orang daripada Baby Boom berpuas hati. Manakala bagi kategori Pre Boom jumlah responden yang berpuas hati dan tidak berpuas hati adalah sama iaitu masing-masing 18 orang.




Rajah 6.40: Kepuasan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut cohort umur)

6.6.7 Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan

Rajah 6.41 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan wajar mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen Kawasan. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 244 orang daripada kategori Gen-Y, 174 orang daripada Gen-X, 120 orang daripada Baby Boom menyatakan wajar. Manakala bagi kategori Pre Boom bilangan


responden yang menyatakan wajar dan tidak wajar adalah hampir sama iaitu masing-masing 18 orang dan 19 orang.



Rajah 6.41: Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Parlimen kawasan (mengikut cohort umur)

6.6.8 Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)


Rajah 6.42 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan wajar mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 239 orang daripada kategori Gen-Y, 173 orang daripada Gen-X, 111 orang daripada Baby Boom menyatakan wajar. Manakala bagi kategori Pre Boom bilangan responden yang menyatakan wajar dan tidak wajar adalah sama iaitu masing-masing 18 orang.



Rajah 6.42: Kewajaran mengekalkan perkhidmatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (mengikut cohort umur)

6.6.9 Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen


Rajah 6.43 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan wajar mengekalkan perkhidmatan parti politik yang mewakili kawasan parlimen. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 240 orang daripada kategori Gen-Y, 173 orang daripada Gen-X, 111 orang daripada Baby Boom menyatakan wajar. Manakala bagi kategori Pre Boom bilangan responden yang menyatakan wajar dan tidak wajar adalah hampir sama iaitu masing-masing 18 orang dan 19 orang.



Rajah 6.43: Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan parlimen (mengikut cohort umur)

6.6.10 Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN)


Rajah 6.44 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur menyatakan wajar mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Hasil dapatan kajian mencatatkan seramai 228 orang daripada kategori Gen-Y, 172 orang daripada Gen-X, 124 orang daripada Baby Boom menyatakan wajar. Manakala bagi kategori Pre Boom bilangan responden yang menyatakan wajar dan tidak wajar adalah hampir sama iaitu masing-masing 19 orang dan 17 orang.



Rajah 6.44: Kewajaran mengekalkan parti politik yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) (mengikut cohort umur)

6.6.11 Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU 13

Rajah 6.45 menunjukkan kebanyakkan responden daripada setiap kategori cohort umur memilih Koh Tsu Koon sebagai bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU13. Bagaimanapun Lim Guan Eng juga merupakan calon kedua terbanyak dipilih oleh responden daripada setiap cohort umur. Kategori Gen-Y seramai 148 orang memilih Lim Guan Eng, 127 orang memilih Koh Tsu Koon, 25 orang memilih Ng Yen Yen, 1 orang memilih Oh Tong Keong dan 37 orang memilih lain-lain calon. Kategori Gen-X seramai 75 orang memilih Lim Guan Eng, 157 orang memilih Koh Tsu Koon, 19 orang memilih Ng Yen Yen, dan 22 orang memilih lain-lain calon. Kategori Baby Boom seramai 48 orang memilih Lim Guan Eng, 116 orang memilih Koh Tsu Koon, 5 orang memilih Ng Yen Yen, dan 9 orang memilih lain-lain calon. Manakala bagi Kategori Pre Boom seramai 8 orang memilih Lim Guan Eng, dan 28 orang memilih Koh Tsu Koon.



**Rajah 6.45: Bakal Ketua Menteri Pulau Pinang pada PRU
(mengikut cohort umur)**

6.6.12 Ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan


Rajah 6.46 menunjukkan ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan responden bagi kesemua setiap kategori umur. Ciri-ciri ini dipilih berdasarkan pemilihan tertinggi responden terhadap ciri-ciri personaliti yang disenaraikan.

Hasil dapatan kajian mendapati responden bagi kategori Gen-Y, kebanyakannya memilih wakil rakyat yang mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (299 orang), rajin menemui rakyat (296 orang), mudah dihubungi (216 orang), bertindak secara professional (193 orang), dan merendah diri (153 orang).

Bagi kategori Gen-X, kebanyakkan responden memilih wakil rakyat rajin menemui rakyat (218 orang), mudah dihubungi (205 orang), mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (205 orang), mempunyai latar belakang keluarga yang baik (130 orang), dan merendah diri (102 orang).

Bagi kategori Baby Boom kebanyakannya responden memilih wakil rakyat yang mudah dihubungi (137 orang), rajin menemui rakyat (132 orang), mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (121 orang), mempunyai latar belakang keluarga yang baik (89 orang), dan tidak memungkiri janji (83 orang).

Manakala bagi kategori Pre Boom pula, kebanyakannya responden memilih wakil rakyat yang mempunyai wawasan dan strategi yang jelas (34 orang), rajin menemui rakyat (33 orang), mudah dihubungi (23 orang), merendah diri (15 orang), dan mempunyai latar belakang keluarga yang baik (14 orang).




Rajah 6.46: Ciri-ciri personaliti wakil rakyat pilihan (mengikut cohort umur)

6.7 ANALISIS ISU-ISU SEMASA

Analisis di bahagian ini adalah bagi melihat persepsi pengundi Cina di Pulau Pinang mengikut cohort umur terhadap isu-su semasa.

6.7.1 Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji-janji dalam pilihan raya yang lalu


Rajah 6.47, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju menyatakan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji mereka dalam pilihan raya yang lalu iaitu seramai 280 orang daripada kategori Gen-Y, 239 orang daripada Gen-X, 153 orang daripada Baby Boom dan 33 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.47: Kerajaan DAP Pulau Pinang tidak mengotakan janji-janji dalam pilihan raya yang lalu (mengikut cohort umur)

6.7.2 Kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini

Rajah 6.48, menunjukkan responden kategori Gen-Y sahaja yang majoriti bersetuju menyatakan Kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini iaitu seramai 187 orang. Namun jumlah ini hampir sama dengan yang tidak bersetuju iaitu seramai 167 orang. Manakala kategori cohort umur lain masing-masing tidak bersetuju iaitu, seramai 182 orang daripada Gen-X, 126 orang daripada Baby Boom dan 23 orang daripada Pre Boom.




Rajah 6.48: kerajaan DAP Pulau Pinang lebih baik berbanding dengan kerajaan BN sebelum ini (mengikut cohort umur)

6.7.3 Kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan

Rajah 6.49 menunjukkan responden kategori Gen-Y dan Gen-X majoriti bersetuju bahawa kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan iaitu masing-masing 251 orang dan 158 orang. Manakala kategori Baby Boom dan Pre Boom majoritinya tidak


bersetuju kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan iaitu masing-masing 103 orang dan 22 orang.



Rajah 6.49: Kerajaan DAP Pulau Pinang wajar dikekalkan (mengikut cohort umur)

6.7.4 Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang


Rajah 6.50, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju menyatakan Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang iaitu seramai 230 orang daripada Gen-Y, 155 orang daripada Gen-X, 107 orang daripada Baby Boom dan 34 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.50: Orang Melayu dilayan lebih baik di bawah pemerintahan kerajaan DAP Pulau Pinang (mengikut cohort umur)

6.7.5 Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara


Rajah 6.51, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju menyatakan Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara iaitu seramai 256 orang daripada Gen-Y, 185 orang daripada Gen-X, 115 orang daripada Baby Boom dan 32 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.51: Orang Melayu akan hilang kuasa sekiranya Pakatan Rakyat memerintah negara (mengikut cohort umur)

6.7.6 Kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara


Rajah 6.52, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju menyatakan kepimpinan Dato Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara iaitu seramai 274 orang daripada Gen-Y, 242 orang daripada Gen-X, 160 orang daripada Baby Boom dan 34 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.52: Kepimpinan Dato' Seri Najib Tun Razak berjaya membawa kestabilan negara (mengikut cohort umur)

6.7.7 Tidak yakin terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim


Rajah 6.53, menunjukkan hanya responden di kategori Gen-Y sahaja kebanyakannya yakin dengan kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu seramai 176 orang. Namun jumlah ini tidak banyak perbeza dengan responden yang tidak yakin iaitu seramai 144 orang daripada kategori yang sama. Manakala bagi kategori yang lain majoritinya tidak yakin iaitu seramai 175 orang daripada Gen-X, 124 orang daripada Baby Boom dan 27 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.53: Keyakinan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim (mengikut cohort umur)

6.7.8 Gagasan 1Malaysia


Rajah 6.54, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur berpuas hati dan masih menyokong Gagasan 1Malaysia iaitu seramai 333 orang daripada Gen-Y, 260 orang daripada Gen-X, 172 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.54: Gagasan 1Malaysia (mengikut cohort umur)

6.7.9 Isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat


Rajah 6.55, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju bahawa isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat iaitu seramai 317 orang daripada Gen-Y, 249 orang daripada Gen-X, 166 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.55: Isu-isu agama yang berlaku muktahir ini menjelaskan keyakinan terhadap Pakatan Rakyat (mengikut cohort umur)

6.7.10 Penyokong gerakan BERSIH


Rajah 6.55, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur tidak menyokong gerakan BERSIH iaitu seramai 280 orang daripada Gen-Y, 227 orang daripada Gen-X, 145 orang daripada Baby Boom dan 35 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.56: Penyokong gerakan BERSIH (mengikut cohort umur)

6.7.11 Amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik


Rajah 6.57, menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju bahawa amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik iaitu seramai 335 orang daripada Gen-Y, 257 orang daripada Gen-X, 169 orang daripada Baby Boom dan 38 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.57: Amalan demokrasi di Malaysia kini semakin baik (mengikut cohort umur)

6.7.12 Kerajaan BN di peringkat Persekutuan perlu dikekalkan

Rajah 6.58 menunjukkan majoriti responden di setiap cohort umur bersetuju dan menyokong kerajaan BN di peringkat persekutuan perlu dikekalkan iaitu seramai 319 orang daripada Gen-Y, 252 orang daripada Gen-X, 166 orang daripada Baby Boom dan 37 orang daripada Pre Boom.



Rajah 6.58: Kerajaan BN di peringkat persekutuan perlu dikekalkan (mengikut cohort umur)

BAB 7: RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhan dalam kajian ini, pola dan corak sokongan pengundi Cina di 3 kawasan kajian dapat dinilai semasa tempoh kempen pilihanraya.Pola pengundi bandar terutama di kawasan Tanjong masih disifatkan sebagai kawasan hitam cenderung kepada parti pembangkang walaupun asebelum ini dilihat ada petanda untuk beralih arah ke pihak Barisan Nasional.Manakala kawasan kelabu iaitu di Nibong Tebal, pola sokongan pengundi Cina juga memihak kepada pihak pembangkang walaupun terdapat sedikit harapan untuk meraih sokongan dalam kalangan mereka menjelang PRU13.Kawasan putih di Balik Pulau juga agak sukar meramalkan kedudukan sokongan Cina kerana trend atau corak sokongan masih belum dijelmakan oleh para pengundi di kawasan yang berkenaan.

Purata ketiga-tiga kawasan menunjukkan responden Cina majoriti berpuas hati terhadap prestasi Lim Guan Eng untuk terus mengekalkan tumpuk kepimpinan di Pulau Pinang dan berpuas hati dengan urus tadbir yang dilakukan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang selama memerintah. Berdasarkan hasil dapatan kajian melalui sub etnik dalam masyarakat Cina di ketiga-tiga kawasan jelas menunjukkan mereka ingin terus kekal dengan status quo kepimpinan yang sedia ada. Dari segi kohort umur, Gen Y, Gen X dan baby boom dalam komuniti Cina berpuas hati dengan prestasi wakil rakyat dan sokongan terhadap mereka adalah tinggi.

Rumusan keseluruhan kajian memaparkan keadaan sokongan dan pola pengundi Cina merentasi semua sub etnik, demografi di Pulau Pinang adalah berada pada tahap sedia

ada dan agak kurang petanda yang menunjukkan mereka bakal beralih kepada parti Barisan Nasional.